

UPM kuasai ragbi, UiTM unggul gelanggang petanque

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) dinobatkan sebagai juara acara ragbi tujuh sebelah (7s) temasya Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT 2022).

Dalam aksi final di Padang Istiadat Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), UPM selaku pasukan pilihan tidak berdepan masalah besar menewaskan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 42-0.

Selain meraih emas bagi kategori lelaki, skuad ragbi wanita UPM turut muncul juara selepas menewaskan pasukan Politeknik 13-10 di pentas final.

Universiti Teknologi Mara (UiTM) pula dinobatkan sebagai juara keseluruhan petanque apabila menyapu bersih dua pingat emas yang dipertandingkan pada hari terakhir acara itu berlangsung.

Dalam aksi di gelanggang petanque Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI, pasukan UiTM membuktikan dominasi mereka untuk menewaskan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) menerusi kemenangan mudah 13-0 dalam aksi akhir trio lelaki.

Rentak cemerlang itu nyata memberi suntikan semangat kepada pasukan wanita UiTM apabila turut mengungguli perlawanan akhir dengan menidakkan cabaran Universiti Sains Malaysia (USM) 13-4.